



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 20 / 2020**

## **PELANTIKAN ENCIK IKMALRUDIN BIN ISHAK SEBAGAI SETIAUSAHA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) memaklumkan bahawa YBrs. Encik Ikmalrudin Bin Ishak telah dilantik sebagai Setiausaha SPR yang baharu menggantikan YBhg. Datuk Mohamed Elias Bin Abu Bakar yang telah bersara wajib pada 30 Mei 2020. Pelantikan YBrs. Encik Ikmalrudin Bin Ishak sebagai Setiausaha SPR berkuatkuasa pada 5 Jun 2020.
2. YBrs. Encik Ikmalrudin Bin Ishak, 49 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sosiologi/Antropologi dan Sarjana Muda Ilmu Wahyu & Warisan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) mula menyertai Perkhidmatan Awam pada 1 Mac 1996. Sebelum dilantik sebagai Setiausaha SPR, beliau pernah berkhidmat dalam jawatan-jawatan strategik di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, Kementerian Pertahanan dan Parlimen Malaysia.
3. Beliau juga berpengalaman selama hampir 10 tahun berkhidmat di SPR sebagai Timbalan Setiausaha (Pengurusan) di Ibu Pejabat

SPR mulai 3 Januari 2011 dan Pengarah Pilihan Raya Negeri Selangor mulai 22 Jun 2015.

4. SPR berharap dengan pengalaman beliau yang luas dalam Perkhidmatan Awam, pelantikan YBrs. Encik Ikmalrudin Bin Ishak sebagai Setiausaha SPR yang baharu akan dapat memimpin Urusetia SPR dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan SPR dengan cekap dan berkesan.
5. Dalam pada itu, SPR juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Datuk Mohamed Elias Bin Abu Bakar, atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada SPR mulai 21 Mei 2018 hingga 30 Mei 2020 sebagai Setiausaha SPR.

Sekian dan terima kasih.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 9 Jun 2020 / 17 Syawal 1441H